



23 SEPTEMBER

مجلس سبوتن هيد كوروك - ٢٨

Majlis Sambutan Hari Guru Ke-28

14 Muharram 1440H / 24 September 2018M
Pusat Persidangan Antarabangsa
Negara Brunei Darussalam



كوروك ليديكاسي قنديقن چمرلغ

GURU DEDIKASI PENDIDIKAN CEMERLANG



مجلس سبوتن هاري كوروك - 28

Majlis Sambutan Hari Guru Ke-28

28th Anniversary
of the Ministry of Education, Malaysia

23 SEPTEMBER

كوروك ديديكاسي قندي يقن چمرلغ

GURU DEDIKASI PENDIDIKAN CEMERLANG



**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien
Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam**



**Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin
Sa'adul Khairi Waddien
ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam II**



**Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda
Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah**

KANDUNGAN PROGRAM
SAMBUTAN HARI GURU KE-28 TAHUN 2018

KANDUNGAN	MUKA SURAT
Kata Alu-Aluan Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman, Menteri Pendidikan dan Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama	2
Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Ke-27 pada 26 September 2017M	6
Petikan Syair Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam II	10
Huraian Tema Hari Guru Ke-28 Tahun 2018	14
Penerima-penerima Anugerah Hari Guru Ke-27 Tahun 2017	18
Ristaan Majlis Sambutan Hari Guru Ke-27 Tahun 2017	22
Khutbah Jumaat Khas Sambutan Hari Guru Ke-27 Tahun 2017	30
Inovasi Pendidikan Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	34
Rancangan Aktiviti-Aktiviti Sepanjang Sambutan Hari Guru Ke-28 Tahun 2018	52
Jawatankuasa-Jawatankuasa Majlis Sambutan Hari Guru Ke-28 Tahun 2018	56
Tajaan dan Penghargaan	92

ATUR CARA
MAJLIS SAMBUTAN HARI GURU KE-28
TAHUN 2018

ATUR CARA MAJLIS

- 8.00 Pagi : Guru-Guru dan Para Jemputan hadir
- 8.30 Pagi : Ketibaan Pembesar-Pembesar Negara dan Para Jemputan Khas
- 9.00 Pagi : Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerabat Diraja
- : Lagu Kebangsaan
 - : Bacaan Al-Fatihah dan Doa Selamat
 - : Bacaan Ayat-Ayat Suci Al-Qur'an dan Kesimpulan Ayat Surah Luqman Ayat 13 – 19
Qari, Yang Mulia Awang Haji Mohammad Khairudin bin Haji Marajah @ Meraji
Pembaca Intisari Ayat, Yang Mulia Awang Nazirul Mubin bin Ahad
 - : Sembah Alu-Aluan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman, Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam
 - : Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
 - : Tayangan Klip Video
 - : Persembahan Utama
 - : Pemakluman Penerima-Penerima Anugerah Hari Guru
 - : Pengurniaan Penerima-Penerima Anugerah Hari Guru

- : Lagu Kebangsaan
- : Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta Kerabat Diraja dijunjung berangkat ke Bilik Santap untuk santap ringan
- : Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung berangkat bagi sesi bergambar ramai dengan penerima-penerima anugerah dan Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan
- : Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta Kerabat Diraja dijunjung berangkat bagi menyaksikan persembahan, pameran dan Majlis Junjung Ziarah
- : Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta Kerabat Diraja dijunjung berangkat bagi meninggalkan Majlis



23 SEPTEMBER



**KATA ALU-ALUAN
YANG BERHORMAT MENTERI PENDIDIKAN
DAN YANG BERHORMAT MENTERI
HAL EHWAL UGAMA**



Yang Berhormat
Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah
bin Haji Sulaiman
Menteri Pendidikan
Selaku Pengerusi Bersama
Sambutan Hari Guru Ke-28 Tahun 2018
Negara Brunei Darussalam



Yang Berhormat
Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz
Haji Awang Badaruddin bin Pengarah
Dato Paduka Haji Othman
Menteri Hal Ehwal Ugama
Selaku Pengerusi Bersama
Sambutan Hari Guru Ke-28 Tahun 2018
Negara Brunei Darussalam

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan izinNya jua kita dapat meraikan Sambutan Hari Guru kali Ke-28 bagi tahun 1440H / 2018M. Selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wassalam, keluarga, sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang jujur lagi ta'at hingga ke akhir zaman.

Sesuai dengan tema Sempena Sambutan Hari Guru kali Ke-28 bagi tahun ini iaitu "Guru Dedikasi Pendidikan Cemerlang" ianya diraikan dengan suasana kesyukuran dan penghargaan atas jasa dan pengorbanan besar setiap guru di Negara Brunei Darussalam.

Peranan seorang guru yang dedikasi adalah dituntut dalam ugama Islam kerana pendidikan yang cemerlang mampu membimbing manusia ke arah kebenaran dan kejayaan. Guru yang dedikasi akan membentuk jati diri pelajar yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek serta dapat melahirkan pelajar yang beriman, berilmu, berpengetahuan, berkemahiran, berakhlak mulia, berpegang teguh kepada nilai murni dan agama, berkeyakinan tinggi dan berkemahuan.

Peranan guru masih sahaja relevan walaupun dalam keadaan dunia yang serba canggih dengan kemajuan teknologi kerana gurulah yang akan membimbing dan mengembangkan

potensi pelajar-pelajar secara lebih teratur, teliti sehingga tahu menilai dan sentiasa bersedia dalam menghadapi apa jua cabaran dalam kehidupan kelak apatah lagi dengan kedatangan era revolusi industri ke-empat (*Industrial Revolution 4.0*) ini.

Hakikatnya, suasana pendidikan yang penuh cabaran dan sentiasa mengalami arus perubahan, menghendaki para guru untuk sentiasa mempunyai sikap dedikasi dalam mempertingkatkan ilmu dan kemahiran-kemahiran terkini. Pembangunan profesional secara berterusan adalah salah satu wadah terbaik untuk para guru dalam mengurangkan apa jua jurang perbezaan dalam pengajaran dan pembelajaran. Ia boleh dilihat sebagai satu aspek pembelajaran sepanjang hayat yang boleh diberi nilai tambah dengan guru-guru melakukan kajian terhadap amalan dan kaedah terkini untuk mencari penyelesaian pendidikan inovatif yang nanti boleh dikongsisama melalui bengkel, persidangan dan penerbitan.

Selain daripada keperluan pengisian dalam pembelajaran dan pengajaran mahupun pedagogi, guru-guru juga perlu menangani pelajar-pelajar yang mempunyai pelbagai latar belakang dan tingkah laku yang berbeza. Keteguhan dan kecekalan para guru dalam menghadapi pelbagai cabaran ini sangatlah dihargai. Disinilah, kita dapat melihat betapa guru-guru itu memiliki nilai-nilai murni dan akhlak mulia iaitu ikhlas, sabar, penyayang dan tidak camah mata kerana menganggap tugas mendidik itu bukanlah hanya semata-mata satu pekerjaan malahan satu ibadah dan amal jariah.

Dalam pada itu, sokongan berterusan ibu bapa dan masyarakat adalah amat dihargai dalam mendokong kejayaan para pelajar agar dapat mencapai potensi mereka sepenuhnya selaras dengan Wawasan Brunei 2035 untuk melahirkan rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi. Peranan para Pengetua dan Guru Besar adalah juga penting sebagai pengantara dan penghubung antara ibu bapa dan masyarakat termasuklah dalam memberikan pemahaman kepada mereka tentang inisiatif-inisiatif dan dasar-dasar pendidikan yang sedang dilaksanakan.

Dikesempatan ini, setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada guru-guru yang menerima Anugerah Hari Guru Kali Ke-28 pada tahun ini. Ucapan tulus ikhlas terima kasih juga diberikan kepada semua guru-guru yang ada di Negara Brunei Darussalam sama ada yang berkhidmat di sekolah Kerajaan atau Swasta di semua peringkat pendidikan. Bagi guru-guru yang telah bersara, jasa dan sumbangan mereka akan sentiasa dikenang dan dihargai.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Jawatankuasa Sambutan Hari Guru Ke-28 Tahun 2018 yang berusaha keras pada memastikan acara yang dirancang dapat berjalan dengan lancar dan jayanya. Akhirnya, sekali lagi diucapkan Selamat Menyambut Hari Guru Kali Ke-28 dan Terima Kasih Cikgu.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

23 SEPTEMBER



**PETIKAN TITAH
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA
SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH
MU'IZZADDIN WADDAULAH
IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI
OMAR 'ALI SAIFUDDIEN
SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM,
DI MAJLIS SAMBUTAN HARI GURU
KE-27 TAHUN 2017**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
الحمد لله رب العالمين، وبه نستعين على أمور الدنيا والدين،
والصلاة والسلام على أشرف المرسلين
سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين،
وبعد

Beta bersyukur ke hadhrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat pula hadir di Majlis Sambutan Hari Guru kali ke-27, tahun 2017 pada pagi ini. Beta sukacita mengucapkan Selamat Hari Guru kepada semua para guru dan pendidik di Negara Brunei Darussalam.

Beta mengambil maklum mengenai tema Sambutan Hari Guru pada tahun ini berbunyi :
□Kecemerlangan Guru Teras Kejayaan Ummah□

Sebagai pendidik, guru memang dikehendaki sentiasa cemerlang untuk melahirkan anak-anak bangsa yang berjaya. Guru adalah nadi bagi kejayaan.

Berdasarkan dunia sentiasa berubah dan berkembang, maka tuntutan kapasiti sumber tenaga manusia adalah semakin mencabar. Ini, turut memberikan implikasi kepada definisi kecemerlangan seorang guru. Menyedari hakikat ini, Beta gembira dengan usaha Kementerian Pendidikan untuk menjadikan perkembangan kapasiti guru sebagai fokus utama dalam strategi pendidikan.

Ini memang wajar untuk pembaikan dan peningkatan diri.

Menyentuh usaha memperkukuhkan kapasiti guru, Beta menyambut baik inisiatif Literacy and Numeracy Coaching Program yang dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan.

Program ini bertujuan untuk melahirkan lebih ramai guru-guru tempatan yang cemerlang yang diperakui sebagai Local Coaches.

Beta gembira mengetahui, bahawa seramai 29 orang guru setakat ini telah pun menamatkan program pembangunan kapasiti dan kini diiktiraf sebagai □Local Coaches□dalam Literacy and Numeracy Coaching Program ini. Beta berharap jumlah ini akan meningkat lagi.

Bagi guru-guru yang tidak terlibat secara langsung sebagai □Local Coaches□ataupun □Learning Partners□adalah disarankan supaya memanfaatkan kepakaran □International Coaches□dengan mengikuti program-program perkembangan profesional guru-guru yang dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan.

Dalam pada itu, Beta ingin mengingatkan supaya Kementerian Pendidikan tidak bersifat leka atau terlepas pandang dari memantau pelaksanaan Literacy and Numeracy Coaching Program ini. Pastikan ia berjalan di atas landasan yang tidak bercanggah dengan falsafah kita. Ini sangat penting, disamping perubahan signifikan yang dibawanya kepada prestasi guru.

Sehubungan dengan perkara ini, mungkin juga elok bagi Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk mengambil daya usaha dengan jabatan dan agensi kerajaan yang berkenaan bagi menyediakan pakej yang menarik sebagai insentif kepada guru-guru yang berminat menjadi *Local Coaches*.

Dalam masa yang sama kita juga akan mengukur kompetensi pelajar dalam pengetahuan dan kemahiran berfikir. Ini dapat dilaksanakan melalui penyertaan Negara Brunei Darussalam dalam Programme for International Student Assessment (PISA). Program ini akan disertai oleh setiap pelajar kita yang berumur 15 tahun pada tahun 2018, dan akan menilai kompetensi serta kedudukan pelajar-pelajar kita itu berbanding dengan pelajar-pelajar lain di peringkat antarabangsa.

Ini juga merupakan cabaran terhadap tahap kapasiti guru-guru kita dalam menerapkan kefahaman kepada pelajar-pelajar kita untuk memahami bahan kandungan dan proses berfikir yang kompleks di dalam kehidupan ini.

Soal ini kita jangan lupa, satu perkara lebih penting berbanding pencapaian akademik ialah nilai akhlak mulia bagi pelajar. Ini sayugia jangan diabaikan.

Para guru adalah bertanggungjawab langsung terhadap pembentukan akhlak pelajar. Peranan mereka bukan setakat memperkaya sumber ilmu, tetapi juga untuk menjadi ikutan atau tauladan kepada anak didik iaitu guru.

Kerana itu, guru tidaklah boleh berlepas tangan mengenai akhlak. Kerana akhlak itu sendiri adalah pakaian guru.

Dalam konteks yang sama juga ialah ibu bapa. Mereka tidak boleh berkecuali mengenai pendidikan, bahkan merekalah sekolah pertama dan utama sebelum lagi lain-lain sekolah. Pengaruh mereka cukup kuat untuk menentukan corak atau bentuk keperibadian anak-anak. Maka kerana itu, Beta mengajak para ibu bapa untuk sama-sama menyedari hakikat ini.

Akhirnya, Beta sekali lagi mengucapkan Selamat Hari Guru kepada semua warga guru di negara ini, semoga segala usaha mereka dalam mendidik anak bangsa akan mendapat ganjaran yang berlipat ganda daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Kepada para penerima Anugerah Hari Guru pula, Beta mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan semoga penganugerahan ini akan menjadi pencetus semangat dan motivasi bagi seluruh warga guru untuk meningkatkan lagi prestasi pendidikan ummah.

Sekian,

والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

23 SEPTEMBER



**PETIKAN SYAIR
AL-MARHUM SULTAN
HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN
SA'ADUL KHAIRI WADDIEN
IBNI AL-MARHUM
SULTAN MUHAMMAD
JAMALUL ALAM II**

PETIKAN
SYAIR LAILA HASRAT MUDA OMAR 'ALI SAIFUDDIEN

HASIL KARYA:
AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN
SA'ADUL KHAIRI WADDIEN

Wahai emasku malai suntingan
Sedangan bergalut malam siangan
Ayahanda memandang sayang-sayangan
Carilah ilmu fikir rundingan

Sayangnya ayah bukan kepalang
Akan emasku wajah gemilang
Unjarlah akal yang terbilang
Hingga ke Gunung Bukit Si Guntung

Sehingga mendaki Gunung Maulu
Menaiki Bukit Gunung Kinabalu
Gunung Kerbau tinggi terlalu
Jangan sekali berhati pilu

Berhati rawan rasa gelisah
Di dalam hati biar dipisah
Mencari ilmu bukannya mudah
Dengan pelajaran otak dibasah

Otak disiram dengannya ilmu
Segala dibuat tiada jemu
Iblis tiada dapat mensamu
Nikmat dan rahmat dapat dijamu

Khas dipetik dari
Syair Nasihat Muda Omar 'Ali Saifuddin,
Terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka,
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan,
Edisi 1994, muka surat 11

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

23 SEPTEMBER



**HURAIAN TEMA
HARI GURU KE-28 TAHUN 2018**

GURU DEDIKASI PENDIDIKAN CEMERLANG

Guru yang berdedikasi merupakan insan yang reda dan ikhlas berkorban dari segi masa, tenaga, fikiran dan harta benda demi pembangunan ummah. Mereka sentiasa tekun dan bersungguh-sungguh dalam menguasai pengetahuan subjek; mampu merancang prosedur pengajaran dan pembelajaran; serta mahir dalam menerapkan pelbagai jenis kemahiran dan teknologi pendidikan. Ketiga-tiga aspek ini perlu dikuasai oleh guru secara seimbang dan istiqamah serta sentiasa muhasabah diri jika ada berlaku sebarang kekurangan atau kelemahan. Hal ini hendaklah berlaku secara berulang-ulang dan berterusan sepanjang hayat, terutamanya dalam tempoh menjawat tugas selaku seorang pendidik. Guru dedikasi turut dituntut dalam Islam yang sinonim dengan sifat *mudarris* مُدَرِّس (mendidik), *muaddib* مُأَدِّب (membentuk adab dan akhlak), *murabbi* مُرَبِّي (mengasuh dan mendidik dengan kasih sayang), *mualim* مُعَلِّم (menyampaikan yang benar) dan *mursyid* مُرْشِد (membimbing ke arah kebaikan). Semua kriteria ini perlu dimiliki oleh guru dedikasi dengan menjadikan Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam sebagai model insan yang dedikasi dan *akhlakul karimah*¹ أخلاق الكريمة.

Dengan kriteria yang diuraikan itu, sudah pasti harapan untuk mewujudkan pendidikan cemerlang akan lebih mudah dicapai. Pendidikan cemerlang boleh dirumuskan sebagai pendidikan yang seimbang antara pengetahuan, kemahiran dengan nilai-nilai agama. Hal ini bermakna pelajar tidak hanya cukup dengan berilmu pengetahuan sahaja tetapi juga perlu dilengkapi dengan pelbagai kemahiran. Dalam erti kata lain, pelajar perlu menguasai kedua-dua aspek teori dan aplikasi. Ilmu yang dituntut perlu mampu diterapkan dalam kehidupan seharian khususnya untuk memajukan diri, keluarga, bangsa dan negara; serta taat setia kepada raja dan sentiasa memelihara kesucian agama Islam.

Ringkasnya, ilmu pengetahuan dan kemahiran hendaklah dimanfaatkan untuk berbakti kepada bangsa dan agama dalam mencapai dan memelihara *hablumminannas*² حبل من الناس dan *hablumminallah*³ حبل من الله. Tujuan ini hanya akan dapat dicapai jika pendidikan cemerlang terwujud secara seimbang melalui pendidikan nilai-nilai murni dan agama bagi menyeimbangkan kepesatan pelbagai ilmu pengetahuan dan kemahiran sains dan teknologi.

Dalam meniti arus era globalisasi, guru perlu mempersiapkan diri masing-masing bagi mengikuti perkembangan pendidikan global yang pesat umpamanya aplikasi dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi serta bersedia menghadapi anjakan paradigma pendidikan. Ilmu dan kemahiran yang disampaikan perlu sentiasa kemas kini agar pelajar memiliki daya cipta yang tinggi, berinovasi dan bersedia untuk menerokai pembaharuan serta peluang dalam segenap bidang pekerjaan dan disiplin, seperti yang ditekankan dalam Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 (SPN21), sejajar dengan keperluan perkembangan sosial dan ekonomi negara.

'Guru Dedikasi Pendidikan Cemerlang' menunjukkan peranan guru adalah penting dalam menentukan kecemerlangan negara kini dan pada masa akan datang dan sekali gus akan dapat sama-sama mendukung dan merealisasikan Wawasan Negara 2035.

¹ Akhlak mulia / terpuji

² Hubungan dengan manusia

³ Hubungan dengan Allah SWT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

23 SEPTEMBER



**PENERIMA-PENERIMA
ANUGERAH HARI GURU KE-27
TAHUN 2017**

PENERIMA ANUGERAH PENDIDIKAN SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN KE-27 TAHUN 2017



Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong

Penerima Anugerah Guru Berjasa



Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Ali Hashim bin Haji Daud

PENERIMA ANUGERAH HARI GURU CEMERLANG KE-27 TAHUN 2017



Yang Mulia Awang Haji Mat Dani bin Haji Abu Bakar



Yang Mulia Pengiran Dr Mohammad Iskandar bin Pengiran Haji Petra



Yang Mulia Awang Haji Maldi bin Haji Ahmad



Yang Mulia Dayang Mariah binti Haji Abd Manaf



Yang Mulia Dayang Zaitunah binti Haji Kurus

ANUGERAH PENGHARGAAN HARI GURU (SPECIAL MENTION) KE-27 TAHUN 2017



Yang Mulia Dayang Salinawati
binti Haji Md Zainal



Yang Mulia Dayang Lise Kim Chandler
@ Mrs L.K Lee



Yang Mulia Dr Afzaal H. Seyal



Yang Mulia Profesor Madya Dr Mohd
Ayub Sadiq @ Lin Naing



Yang Mulia Awang Jones
bin Luar



Yang Mulia Dayang Masnurfaiza
binti Md Zaini



Yang Mulia Dayang Mariani
binti Haji Abd Rahman



Yang Mulia Awang Lim Ming Han



Yang Mulia Dayang Hajah Norlia
Hanam binti Haji Mohd Hassan



Yang Mulia Awang Md Alinormin
bin Haji Omarali



Yang Mulia Dayang Shuzarina
binti Haji Sharbini



Yang Mulia Dayang Ruzanna
binti Zainal Abidin



Yang Mulia Dayang Hajah Zasyakin
binti Haji Mohd Noor



Yang Mulia Dayang Hajah Rosni
binti Haji Ludin



Yang Mulia Dayang Mahani
binti Haji Sumari



Yang Mulia Dayang Hajah Rugiah
binti Haji Razali



Yang Mulia Awang Haji Rudyman
bin Pengarah Haji Abdullah



Yang Mulia Dayang Haryantie
binti Alias



Yang Mulia Dayangku Norazidawaty
binti Pengiran Haji Badaruddin



Yang Mulia Dr Chong Ah Fok

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

23 SEPTEMBER



**RISTAAN
MAJLIS SAMBUTAN
HARI GURU KE-27 TAHUN 2017**



**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH
MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN
SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM,
BERGAMBAR RAMAI DENGAN AHLI-AHLI JAWATANKUASA TERTINGGI
DAN PENERIMA-PENERIMA ANUGERAH HARI GURU KE-27 TAHUN 2017**









بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

23 SEPTEMBER



**KHUTBAH JUMAAT KHAS
SAMBUTAN HARI GURU
KE-27 TAHUN 2017**

KECEMERLANGAN GURU TERAS KEJAYAAN UMMAH

Muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhannya dan meninggalkan segala larangannya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertaqwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Sesungguhnya ilmu adalah pelita hidup ia sangat penting dan berguna dalam kehidupan kerana dengan ilmu akan dapat membantu kita berjaya di dunia dan di akhirat. Melihat kepada betapa pentingnya ilmu, maka kita sebagai umat Islam dianjurkan untuk menimba dan menuntut ilmu sebanyak yang mungkin. Allah Subhanahu Wata'ala memberikan kelebihan kepada orang-orang beriman yang menuntut ilmu dengan beberapa darjat. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Mujadalah ayat 11.

Tafsirnya: Wahai orang-orang yang beriman! apabila dikatakan kepada kamu: "Lapangkanlah tempat duduk di majlis-majlis (untuk orang lain), maka lapangkanlah nescaya Allah memberi kelapangan untuk kamu. Dan apabila dikatakan: berdirilah, hendaklah kamu berdiri, nescaya Allah meninggikan orang-orang yang beriman antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama beberapa darjat. Dan Allah Maha teliti terhadap apa yang kamu kerjakan."

Apabila kita memperkatakan tentang ilmu, maka guru adalah golongan yang amat penting sebagai teras kepada kejayaan ummah. Sebagaimana yang kita ketahui, tugas guru adalah menyampaikan, mengajar dan membimbing pelajar atau masyarakat dalam pelbagai ilmu pengetahuan serta kemahiran. Dalam agama Islam, mengajarkan ilmu yang bermanfaat itu adalah amalan yang dipandang tinggi, mulia dan satu kerjaya yang suci di sisi Allah Subhanahu Wata'ala. Daripada Abu Umamah Al-Bahili, Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wassalam bersabda: "Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala, para Malaikat dan semua penduduk di langit dan di bumi, sehinggakan semut di sarangnya dan ikan (di lautan) pasti berselawat (mendoakan) kebaikan bagi orang yang mengajarkan kebaikan kepada manusia." [Riwayat al-Tirmizi]

Muslimin yang dirahmati Allah,

Guru sebagai pendidik sememangnya mempunyai peranan yang sangat penting untuk menjadikan setiap anak didiknya bukan sahaja untuk menjadi orang yang berilmu dan cemerlang bahkan juga berakhlak mulia. Oleh itu, guru hendaklah menjauhkan diri dari sifat-sifat keji dan tercela, ini kerana mereka mempunyai pengaruh yang sangat besar dalam pembentukan diri dan saksiah pelajar.

Untuk menjadi seorang guru yang cemerlang, dihormati, disegani serta berwibawa, mereka perlulah memiliki sifat-sifat yang terpuji, antaranya adalah sifat ikhlas dan sabar dalam mendidik dan menyampaikan ilmu pelajaran dan bukan kerana balasan material atau mengharapkan pujian atau pangkat semata-mata. Di samping itu, guru juga perlu mempunyai sifat dedikasi dalam menyampaikan ilmu, bersifat penyayang terhadap setiap anak didiknya, bersifat adil dan tidak mengamalkan sikap pilih kasih, amanah dan memberi komitmen dalam setiap tugas yang diberikan, membuat persediaan yang secukupnya sebelum memulakan pengajaran, menjaga kehormatan diri dan keluarga, iaitu tidak melibatkan diri dengan perkara-perkara yang boleh menjatuhkan imej dan maruah diri sama ada dari segi pakaian, perbuatan dan percakapan. Apa yang penting dalam menjalankan tugas sebagai seorang guru adalah untuk mencari keredhaan Allah Subhanahu Wata'ala dan berusaha untuk kejayaan anak-anak bangsa, agama dan Negara.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Sememangnya amanah yang dipikul oleh seorang guru itu sangatlah besar dan berat kerana mereka bertanggungjawab untuk memperkaya para pelajar dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai murni. Guru diamanahkan untuk melahirkan insan syumul yang berupaya memenuhi tuntutan duniawi dan ukhrawi.

Tugas sebagai seorang pendidik bukanlah satu tugas yang mudah. Ia menuntut kepada pengorbanan dan komitmen dari segi masa, tenaga, wang ringgit dan seumpamanya untuk menjadikan anak didik dan bangsa menjadi insan yang memiliki jati diri yang sempurna demi kepentingan agama, bangsa dan negara. Oleh itu, kita seharusnya berterima kasih diatas pengorbanan dan jasa guru yang telah mendidik serta membimbing kita, malah ibubapa juga perlu menghormati guru yang mendidik anak-anak mereka sehingga menjadikan mereka insan yang berjaya dan cemerlang.

Agama Islam menganjurkan kita supaya menghormati, menghargai dan memuliakan guru bukannya mencerca, menghina apatah lagi mengherdik guru kerana dikhuatiri hilang atau ditarik keberkatan atau tidak memperolehi manfaat ilmu tersebut. Ketahuilah, banyak hikmah yang diperolehi dengan menghormati dan memuliakan guru, antaranya adalah memperolehi kejayaan hidup di dunia dan di akhirat, mudah mengingati dan memahami apa yang dipelajari, membentuk peribadi serta akhlak yang mulia dan yang terpenting adalah memperolehi ilmu yang diberkati oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Daripada Ubadah bin As-samit, Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wassalam bersabda; "Tidak termasuk golongan kami orang yang tidak memuliakan yang lebih tua dan menyayangi yang lebih muda serta yang tidak mengerti (hak) orang yang berilmu (agar diutamakan pandangannya)." [Riwayat Imam Ahmad]

Perlu diketahui, ada banyak cara yang boleh kita lakukan untuk menghargai jasa seorang guru seperti mengucapkan ucapan terima kasih sebagai tanda menghargai jasa mereka dan apabila memperolehi kejayaan, mengamalkan segala ilmu yang dicurahkan supaya pahala kebaikan kita akan sama-sama diberikan kepada guru-guru yang telah berkongsi ilmu kepada kita, sentiasa mengeratkan hubungan silaturahim walaupun telah tamat pengajian, menziarahi guru ketika lapang, mendoakan kesejahteraan dan kebaikan mereka. Manakala bagi guru-guru yang telah kembali ke rahmatullah, sama-samalah kita mendoakan semoga dosa-dosa mereka diampunkan dan roh mereka dicucuri rahmat.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Bagi menghormati dan mengenang jasa guru-guru yang telah berbakti mendidik kita menjadi insan yang berilmu dan berjaya. Marilah kita sama-sama berdoa agar dijauhi daripada ilmu yang tidak bermanfaat, hati yang tidak khusyuk, jiwa yang tidak tenang atau tidak bersyukur dan doa yang tidak dimakbulkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Dan mudah-mudahan kita sentiasa mendapat inayah, rahmat dan petunjuk daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbal'alamin.

Tafsirnya: "Allah menerangkan (kepada sekalian makhlukNya Dengan dalil dan bukti), bahawa tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang mentadbir (seluruh alam) Dengan keadilan, demikian juga para malaikat serta orang-orang Yang berilmu (berikrar dan mengakui juga bahawa); tiada Tuhan melainkan dia; Yang Maha perkasa, lagi Maha Bijaksana." [Surah Ali-Imran ayat 18]


بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

23 SEPTEMBER



**INOVASI PENDIDIKAN
DALAM
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

**DASAR DAN
PENTADBIRAN**



INOVASI PENDIDIKAN

TEKNOLOGI



**PEDAGOGI
PENGAJARAN DAN
PEMBELAJARAN**

**INFRASTRUKTUR
DAN RUANG
PEMBELAJARAN**



PENILAIAN

**DALAM PENGAJARAN
DAN PEMBELAJARAN**

PENGAJAR

KURIKULUM




[i.no.va.si]

Definisi :

1. sesuatu yang baru diperkenalkan seperti kaedah, sistem, adat, dan lain-lain yang baru: perancangan untuk mewujudkan ~ dan mencapai kemajuan perlu berlaku setiap masa;

2. perihal (tindakan dan sebagainya) mengadakan, memulakan, dan sebagainya sesuatu yang baru: faktor penting ialah menggalakkan manusia menggunakan kebolehan kreativiti dan ~ mereka; menginovasi membuat inovasi



• **Pendidikan formal bermula**

D A S A R

• **Penubuhan Jabatan Pelajaran**

• **Bahasa Melayu Bahasa Pengantar**
• **Pendidikan untuk Semua**

• **Suruhanjaya Pendidikan**
• **Pendidikan Islam bermula**

Inovasi dalam Pendidikan

1984

1997

2008

2035

P E N D I D I K A N R A S M I

- **Konsep Dwi Bahasa**

- **Pendidikan Inklusif**


- **Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21**

- **Rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya**

INFRASTRUKTUR DAN RUANG PEMBELAJARAN



Pusat Simulasi di Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah (PAPRSB), Universiti Brunei Darussalam (UBD)



The Spiral Staircase,
Perpustakaan Universiti Teknologi Brunei (UTB)



Ruang pembelajaran (Café) di perpustakaan UTB



Ruang pembelajaran (kolaborasi)
di perpustakaan UTB



Kemudahan prasekolah mendedahkan awal persekolahan yang menarik dengan mengintegrasikan kaedah bermain sambil belajar



Penggunaan ruang yang bersesuaian membolehkan pelajar untuk bekerjasama melaksanakan tugas



Ruang pembelajaran luar bilik darjah dijadikan tempat pelajar meneroka alam pertanian seperti aktiviti bertanam bunga



Iklm ruang pembelajaran yang selesa dan perabot serta ruang yang boleh diadaptasi mengikut pelbagai teknik pengajaran dan pembelajaran




Model Inclusive Schools (MIS) menyediakan infrastruktur dan peluang pengajaran dan pembelajaran bagi pelajar-pelajar bekeperluan khas

PEDAGOGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN



Membaca Al-Qur'an Secara Halaqah (beramai-ramai) bagi meningkatkan mutu bacaan pelajar



Mendedahkan pelajar dengan kemahiran menulis perkataan Jawi dengan kaedah yang betul



Teknik demonstrasi pemakaian Ihram dan pemerhatian dapat berperanan sebagai wahana untuk mengukuhkan pengajaran dan pembelajaran



Teknik inkuiri membolehkan rakan-rakan menyoal mengenai hal-hal yang berkaitan tajuk yang dibincangkan



Aktiviti *brainstorming* untuk percambahan idea



Projek Laboratori secara praktikal untuk meningkatkan pembelajaran para pelajar



Bengkel “*Growth Mindset - Mindset shift towards more positive outlook amongst students, teachers and parents*” merupakan salah satu strategi dalam keberkesanan diri atau *self-efficacy* pada setiap pelajar



Pelajar-pelajar bermain Domino secara berpasangan dalam pelajaran Matematik Tahun 3



Pelajar-pelajar menggunakan infografik dalam pelajaran Bahasa Ingeris



Kaedah *blended teaching and learning* dalam pembelajaran iaitu kombinasi pengajaran dan pembelajaran secara formal, diskusi secara berkumpulan dan penggunaan teknologi secara online (*e-learning*)



Pelajar-pelajar pra sedang mengikuti integrasi pelajaran Bahasa Melayu, Sains dan Matematik yang bertemakan “Makanan”

KURIKULUM



Pengajian Al-Qur'an diluar waktu persekolahan



Pendidikan KoKurikulum untuk meningkatkan keusahawanan para pelajar



Bengkel Tayammum anjuran Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dihadiri oleh orang awam, muallaf, dan AJK takmir masjid



Program Tadabbur Al-Qur'an (PTQ) & Program Mari Belajar Bahasa Al-Qur'an (MBBQ) untuk orang awam



Pendedahan pelajar prasekolah dalam aktiviti keusahawanan dan menghargai hasil-hasil pertanian



Pertandingan Koir Prasekolah



Aktiviti pelajar-pelajar sekolah rendah yang diungkayahkan dengan usahasama *National Institute Singapore* bertemakan "\$5.00 Care Package" sempena *Global Money Week*



Lettuce Harvesting dengan menggunakan kaedah penanaman hydroponik di Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IPTB)



Pelajar program *HNTec in Aircraft Maintenance Engineering* sedang menjalankan pemeriksaan lampu Helikopter Bell 212



Design and Technology ialah sebahagian dari *Creative Curriculum* di Sekolah Antarabangsa Jerudong



Pelajar *HNTec Electrical Engineering* belajar dalam pemasangan *AC motor control*



Kursus jangka pendek Jabatan Perdana Menteri di Bengkel Mekanikal, UTB

TEKNOLOGI



Para pelajar mereka bentuk menggunakan perisian Autodesk



Pembuatan menggunakan CNC Milling dan 3D printer



Menjalankan Tensile Test di Materials Testing Centre (MTC) Lab, UTB



UTB Engineering Project Showcase 2018



Pertandingan Kemahiran IT diadakan bagi pelajar-pelajar berkeperluan khas



Program "SCRATCH" digunakan dan berpandukan tema "STEM" (Science, Technology, Engineering & Mathematics)



Pendidikan Khas (*Braille*) dalam pendidikan Al-Qur'an



Aplikasi penggunaan telefon bimbit sebagai alat bantu mengajar dalam pelajaran bertajuk "Sound"



Bahan sumber pembelajaran dan teknologi mudah diakses akan dapat diintegrasikan dengan berkesan ke dalam pengajaran dan pembelajaran



Pengajaran merentas kurikulum dengan ICT untuk meningkatkan kepercayaan diri dalam mengendalikan komputer



Penggunaan fasiliti *state of the art* memberikan kemudahan bagi pensyarah dan pelajar untuk mendemonstrasi kemahiran-kemahiran secara praktikal atau *hands-on* dan meningkatkan pengalaman

PENGAJAR



Pengajaran Guru Terlatih di sekolah-sekolah agama dalam Kursus Latihan Mengajar



Guru menunjukkan contoh terbaik kepada pelajar-pelajar



Sesi pembelajaran Bahasa Inggeris dengan kaedah *Differentiated Instruction*



Pengajar sebagai fasilitator, motivator dan kontributor kepada kejayaan pelajar



Pengajar sedang menunjukkan cara membuka *automatic gearbox* kepada pelajar *HNTec in Automobile Technology*



Pengajar sedang membuat demonstrasi *food plating* kepada pelajar *Hospitality*



Dayang Lim Soh Ngo, Pegawai Pendidikan Tingkat Khas, PG4. Beliau adalah penerima anugerah Princess Maha Chakri Award 2018



Guru Jabatan Bahasa Melayu, IRK, Business, History, Art mengadakan perjumpaan untuk menyediakan rancangan pembelajaran



Guru sedang tekun dan sabar membimbing pelajar-pelajar dalam menyelesaikan tugasan



Guru-guru pembimbing tarian mengikuti bengkel bagi meningkatkan kemahiran seni tarian



Pengajar yang berkemahiran dan berpengalaman dapat memastikan pendidikan berkualiti

PENILAIAN



Tasmik Al-Qur'an di hadapan Guru bagi melancarkan bacaan dan hafalan para pelajar



Salah satu teknik penilaian di dalam bilik darjah



Penerangan berkaitan *Student Assessment Tracker (SAT)* anjuran *Centralised Assessment Unit (CAU)* bagi guru-guru di Daerah Temburong



Guru-guru sedang menghadiri bengkel anjuran CAU



Beberapa siri taklimat *Programme for International Student Assessment (PISA)* diadakan untuk penyelaras-penyelaras *PISA 2018*



Jawatankuasa Kerja Kumpulan Bertindak Kementerian Pendidikan (*MoE PISA Task Force, MPTF*) mengadakan "*Test Administrators' (TA) Training*" sebagai persediaan untuk *PISA 2018*



Pelajar-pelajar berumur 15 tahun yang mengikuti kajian antarabangsa *PISA 2018*



Kajian *PISA 2018* telah dilaksanakan menggunakan komputer melalui *PISA Student Delivery System*



Klinik Bahasa - aktiviti menilai dan meningkatkan tahap kemahiran penggunaan Bahasa Arab di kalangan pelajar-pelajar dan orang awam



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

23 SEPTEMBER



**RANCANGAN AKTIVITI-AKTIVITI
SAMBUTAN HARI GURU KE-28
TAHUN 2018**

BIL.	ACARA/ AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT	PENGENDALI/ PENYELARAS
1.	Kejohanan Bola Jaring	31 Ogos 2018	Gelanggang Bola Jaring Sekolah Sukan/ Dewan Serbaguna Kompleks Berakas (MPH)	Jabatan Pendidikan KoKurikulum, Kementerian Pendidikan
2.	Kejohanan Bola Sepak 7 orang sepasukan	2 September 2018	Padang Sekolah Rendah Datu Mahawangsa Lambak	Jabatan Pendidikan KoKurikulum, Kementerian Pendidikan
3.	Kejohanan Badminton	5 September 2018	Dewan Serbaguna	Jabatan Pendidikan KoKurikulum, Kementerian Pendidikan
